

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]**

TARIKH : ISNIN, 8 JUN 2015

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah peruntukan untuk mendalamkan Sg. Pelus (anak sungai pada Sg. Perak) bagi tahun 2015, kerana Sg. Pelus mengalami masalah pemendapan pasir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Perak telah melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sungai Pelus sepanjang empat kilometer (4km) pada 21 Julai 2014 dengan kos RM1.76 juta dengan menggunakan Peruntukan Negeri.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memohon peruntukan di dalam RMKe-11 bagi sambungan projek tersebut sebanyak RM26 juta.

Sekian, terima kasih.